

18 NOV 1998

Dewan-Johor (Gore)

DEWAN UNDANGAN NEGERI JOHOR KUTUK AL GORE

JOHOR BAHRU, 18 Nov (Bernama) -- Persidangan Dewan Undangan Negeri Johor hari ini sebulat suara meluluskan usul tergepar mengutuk sekeras-kerasnya kenyataan Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore yang menyokong gerakan reformasi.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman ketika membawa usul itu berkata tindakan Gore yang bertentangan dengan amalan politik telah menyinggung perasaan rakyat Malaysia.

"Kenyataan beliau yang menyokong gerakan reformasi dan keangkuhannya meninggalkan majlis setelah berucap adalah di luar tatasusila negara bertamadun sekaligus mendedahkan sikap negara berkenaan yang tidak beradab dan tidak menghormati tuan rumah, para pemimpin serta perwakilan negara asing yang hadir," katanya.

Abdul Ghani berkata sebagai sebuah negara yang mendakwa memperjuangkan amalan demokrasi tulen, Amerika Syarikat harus sedar bahawa kerajaan Malaysia dipilih secara sah melalui proses pilihan raya yang demokratik.

Justeru itu, kata beliau, tindakan Gore adalah keterlaluan kerana cuba mencampuri urusan sebuah negara yang merdeka apatah lagi ia dibuat di satu majlis yang sepatutnya ditumpukan kepada usaha mengatasi krisis kewangan antarabangsa yang sedang dihadapi sekarang.

Abdul Ghani berkata tindakan Gore membuktikan bahawa Amerika Syarikat adalah sebuah negara yang sering mencabuli hak asasi manusia dan cenderung untuk campur tangan dalam hal ehwal sesebuah negara yang berdaulat.

Katanya, Gore sepatutnya sedar bahawa kenyataannya itu memungkinan wujudnya ketidakstabilan dalam masyarakat, menggugat amalan demokrasi serta menggagalkan sebarang usaha untuk memulihkan ekonomi negara.

Dewan juga mengambil ketetapan untuk berdiri teguh bersama kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri untuk terus memimpin Malaysia.

Dewan juga menyeru agar rakyat Malaysia bersatu padu menentang tindakan pihak yang cuba campur tangan dalam hal ehwal negara kerana jika dibiarkan, ia akan menyebabkan ketahanan Malaysia mudah diganggu gugat khususnya oleh penjajahan bentuk baru.

Lapan anggota membahaskan usul itu sebelum ia diluluskan sebulat suara. Persidangan disambung esok.

-- BERNAMA

MKO MAI